

Pembangunan pesat Johor redakan tekanan di Lembah Klang

Kebangkitan sebagai hab pelaburan baharu beri laluan jadi pusat tumpuan ekonomi nasional

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembangunan pesat Johor sejak kebelakangan ini akan memberi kesan positif kepada landskap ekonomi negara apabila ia bukan saja muncul sebagai pemangkin pertumbuhan baharu, malah membantu meredakan tekanan terhadap infrastruktur dan sumber di Lembah Klang.

Perkembangan itu menyaksikan Johor kini dilihat bersedia untuk menjadi 'Lembah Klang kedua' sebagai pusat tumpuan ekonomi nasional, demikian menurut pemerhati.

Penganalisis UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kebangkitan Johor sebagai

hab pelaburan baharu, didorong keupayaannya menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan domestik, menjadi pelengkap penting kepada Lembah Klang dan Pulau Pinang yang sekian lama berperanan sebagai koridor utama pembangunan negara.

Justeru, jelasnya, pendekatan itu sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan mampan di peringkat nasional.

"Sudah tentu perkembangan Johor dalam menjadi pemangkin ekonomi negara dengan keupayaannya menarik pelbagai pelaburan luar dan dalam negara adalah sesuatu yang baik untuk ekonomi secara keseluruhannya.

"Ia menjadi pelengkap kepada Lembah Klang dan juga Pulau Pinang sebagai koridor pembangunan negara," katanya kepada BH.

Melihat kepada perkembangan pesat di Johor itu, Aimi Zulhazmi turut menyarankan supaya kerajaan memperluas pembangunan koridor ekonomi lain, khususnya di wilayah yang mempunyai kelebihan geografi dan sempadan antarabangsa.

Beliau berkata, selain Jo-

hor yang strategik dengan Singapura dan Indonesia, wilayah utara seperti Perlis juga dilihat berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai koridor baharu berasaskan kedudukannya yang berhampiran Thailand dan Indonesia.

"Dalam acuan pelan Ekonomi MADANI antara strategi utama adalah merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar demi kesinambungan kemakmuran negara.

"Ini adalah selari dengan kerajaan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan pelan strategi jangka panjang bagi merapatkan jurang pendapatan serta memperluas peluang pekerjaan berpendapatan tinggi antara kawasan bandar dan luar bandar menerusi kerangka Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, Menteri Eko-

nomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, baru-baru ini menegaskan bahawa RMK13 merangka pelbagai inisiatif untuk merapatkan jurang pembangunan dan menambah peluang pekerjaan.

Katanya, antara inisiatif ialah memacu pertumbuhan baharu berasaskan potensi tempatan, menekankan pelaburan dalam pendidikan, menyokong usahawan muda, menambah baik perkhidmatan desa untuk mengurangkan migrasi ke bandar serta menarik pelaburan berkualiti tinggi di koridor wilayah.

Kesan migrasi seluruh negara

Menurutnya, Lembah Klang dihuni kira-kira 10 juta penduduk dan menyumbang lebih satu pertiga kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dengan Selangor dan Kuala Lumpur muncul sebagai penyumbang utama.

Namun, jelasnya, migrasi besar-besaran dari seluruh negara ke wilayah itu turut memberi tekanan ketara terhadap keperluan perumahan, bekalan air dan tenaga, serta infrastruktur asas lain, yang juga turut mendorong peningkatan kos sara hidup.

Pengerusi Jawatan-

kuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Johor, Mohamad Fazli Mohamad Salleh, baru-baru ini berkata, perincian Projek Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) yang akan mengurangkan kesesakan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) sedang dimuktamadkan untuk dibentangkan ke peringkat Persekutuan pada April.

Beliau berkata, jika tiada aral melintang, pembinaan WCE Selatan itu akan siap dalam tempoh 48 bulan sebaik saja semua proses dimuktamadkan.

Dalam pada itu, sebanyak RM25 juta diluluskan bagi kerja-kerja awal projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 4 (LPT4) seperti kajian trafik, reka bentuk kejuruteraan dan cadangan jajaran yang akan dimulakan tahun ini.

Menurut Mohamad Fazli, cadangan LPT4 meliputi jajaran sejauh 142 kilometer dari Ulu Tiram hingga ke Mersing.

Bagi tempoh sembilan bulan 2025, Johor adalah destinasi utama pelaburan yang diluluskan manakala Singapura adalah sumber utama pelaburan asing yang diluluskan berikutan pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang dilancarkan pada Januari 2025.



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid

Mohamad Fazli Mohamad Salleh